

FGM/C merujuk kepada semua prosedur yang melibatkan pemotongan sebahagian atau keseluruhan alat kelamin luaran wanita atau kecederaan lain pada organ kelamin wanita atas sebab bukan perubatan. Ia mungkin dipanggil “berkhutan untuk wanita” di beberapa bahagian dunia. Amalan ini tiada faedah kesihatan dan boleh menjurus kepada pelbagai masalah kesihatan fizikal dan mental jangka pendek dan panjang.

## Apakah kesan kesihatan akibat FGM/C?

Komplikasi segera boleh termasuk:

- Sakit yang teruk
- Pendarahan yang berlebihan (pendarahan)
- Tisu kemaluan bengkak
- Demam
- Jangkitan cth., kancing gigi
- Masalah buang air kecil
- Masalah penyembuhan luka
- Kecederaan di sekitar tisu alat kelamin
- Terkejut
- Kematian

Komplikasi jangka panjang boleh termasuk:

- Masalah buang air kecil ((sakit ketika buang air kecil, jangkitan saluran kencing)
- Masalah faraj (keputihan, kegatalan, vaginosis bakteria dan jangkitan lain)
- Masalah haid (senggugut yang menyakitkan, sukar mengeluarkan darah haid, dsb.)
- Tisu parut dan keloid
- Masalah seksual (sakit semasa bersetubuh, penurunan kepuasan, dsb.)
- Peningkatan risiko komplikasi bersalin (sukar bersalin, pendarahan berlebihan, pembedahan caesarean, perlu untuk sedarkan semula bayi, dsb.) dan kematian bayi baru lahir
- Keperluan untuk pembedahan seterusnya
- Masalah psikologi (kemurungan, kegelisahan, gangguan tekanan pasca-trauma, kurang keyakinan diri, dsb.)

Untuk maklumat tambahan tentang kesihatan akibat FGM/C, sila layari laman sesawang Pertubuhan Kesihatan Sedunia di <https://www.who.int/news-room/fact-sheet/detail/female-genital-mutilation>

## Hubungi Talian Penting Childhelp National Child Abuse di **800-4-A-CHILD (800-422-4453) untuk maklumat atau bantuan jika:**

- Anda percaya anda berisiko FGM/C;
- Anda telah lakukan FGM/C;
- Anda mempunyai soalan mengenai FGM/C;
- Anda mempunyai maklumat tentang seseorang yang melakukan FGM/C di Amerika Syarikat; atau
- Anda mengenali seseorang yang mungkin berisiko FGM/C di Amerika Syarikat atau negara lain.

**Anda mungkin layak untuk faedah imigresen tertentu bagi mangsa jenayah atau penganiayaan jika anda telah melakukan FGM/C atau takut anda berisiko akibat FGM/C.**

Untuk maklumat lanjut, layari:  
[uscis.gov/humanitarian/female-genital-mutilation-or-cutting-fgmc](http://uscis.gov/humanitarian/female-genital-mutilation-or-cutting-fgmc)



U.S. Citizenship and  
Immigration Services

## Mutilasi atau Pemotongan Alat Kelamin Wanita FGM/C



U.S. Citizenship  
and Immigration  
Services

## Jika anda telah melakukan FGM/C:

- Ia bukan salah anda.
- Anda tidak melanggar mana-mana undang-undang A.S dengan melalui prosedur tersebut.
- Ia tidak akan menjelaskan kelayakan anda secara negatif untuk melancong ke Amerika Syarikat atau untuk menerima faedah imigresen dari Amerika Syarikat.

Penyelidik-penyalidik di Pusat Kawalan Penyakit dan Bahagian Pencegahan Kesihatan Reproduktif (CDC) menganggarkan seramai

# 500,000

perempuan dan wanita di Amerika Syarikat telah melakukan FGM/C pada masa lalu atau mungkin berisiko melakukan FGM/C pada masa akan datang.

Lebih daripada

# 200

 juta perempuan dan wanita yang

hidup pada hari ini **30** negara

di Afrika, Timur Tengah dan Asia di mana tertumpunya FGM.

Pada 2030, jika amalan ini berterusan pada tahap semasa,

# 4.6

 juta perempuan akan berisiko FGM setiap tahun.

## Kerajaan A.S menentang FGM/C

Kerajaan A.S menentang FGM.C, tidak kira jenis, darjah, atau keterukan, dan tidak kira apa motivasi melaksanakannya. Kerajaan A.S. faham bahawa FGM.C mungkin dijalankan sejajar dengan kepercayaan tradisional dan sebahagian daripada upacara permulaan dewasa. Namun begitu, kerajaan A.S. menganggap FGM/C sebagai salah satu penyalahgunaan hak asasi manusia yang serius, dan bentuk keganasan berdasarkan jantina dan penderaan kanak-kanak.

## Amerika Syarikat komited untuk menamatkan FGM/C.

Menamatkan FGM/C adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan wanita dan perempuan dan membawa hak mereka ke hadapan. Kerajaan A.S. bekerja di Amerika Syarikat dan di negara-negara lain untuk membantu orang terpelajar tentang kesan kerosakan yang serius akibat FGM/C.



## Jika anda:

- Percaya anda berisiko FGM/C
- Telah melakukan FGM/C
- Mempunyai soalan mengenai FGM/C
- Mempunyai soalan mengenai seseorang yang melakukan FGM/C di Amerika Syarikat; atau
- Mengenali seseorang yang mungkin berisiko akibat FGM/C di Amerika Syarikat atau negara lain;

## Sila hubungi untuk maklumat atau bantuan:

- Talian Penting Childhelp National Child Abuse: 800-4-A-CHILD (800-422-4453)
- Rangkaian A.S Tamatkan FGM/C: [endfgmnetwork.org](http://endfgmnetwork.org)

Ianya bertentangan dengan undang-undang A.S. untuk cuba melakukan FGM/C di Amerika Syarikat pada seseorang di bawah umur 18 tahun, atau untuk memindahkan mereka ke dalam atau luar dari Amerika Syarikat supaya FGM/C boleh dilakukan. Ia juga bertentangan dengan undang-undang A.S bagi ibu bapa atau penjaga yang sah untuk persetujuan bagi atau memudahkan FGM/C dilakukan pada kanak-kanak bawah umur.

Pelanggaran undang-undang boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun, denda, atau kedua-duanya. Tiada pengecualian untuk lakukn FGM/C kerana tradisi atau budaya. Memotong dan prosedur lain yang yang mencederakan organ kelamin wanita bagi perempuan di bawah 18 tahun adalah dilarang di bawah undang-undang A.S. Selain itu, sesiapa sahaja di Amerika Syarikat yang melakukan FGM/C pada wanita 18 tahun atau lebih tua tanpa persetujuannya mungkin didakwa melakukan jenayah di bawah undang-undang negeri.

**Melanggar undang-undang menentang FGM/C mempunyai kesan daripada segi imigresen.**

Melakukan atau membantu dalam FGM/C, walaupun tanpa sabitan jenayah, mungkin mempunyai signifikan akibat imigresen, termasuk membuat pesalah tidak boleh diterima atau dibuang dari Amerika Syarikat dan tidak layak untuk beberapa faedah imigresen.